



Pengisytiharan Kemerdekaan:

"Agar setia dan berkhidmat untuk Tanah Melayu, bekerja dan berusaha dengan tangan dan minda bagi melahirkan sebuah negara baharu, yang diilhamkan oleh cita-cita keadilan dan kebebasan – menjadi suar cahaya dalam ketidakpastian dunia"

-31 Ogos 1957-

Pemasyhuran Malaysia:

"Bahawa Malaysia atas izin dan kehendak Allah Rabbi' Alamin, akan kekal menjadi sebuah Negara demokrasi yang merdeka lagi berdaulat serta berasaskan kebebasan dan keadilan dan senantiasa mempertahankan serta memelihara keamanan dan kesentosaan rakyatnya, dan mengekalkan keamanan antara segala bangsa."

-16 September 1963-

7

MENAIKKAN LANTAI RUMAH

Memperjuangkan keadilan sosial bagi meningkatkan darjat hidup rakyat

1 Menyokong Anjakan Mobiliti Sosial

GAJI BERMAKNA	PEKERJAAN BERMAKNA
<p>Pendapatan yang adil demi kualiti hidup yang bermakna</p> <ul style="list-style-type: none"> Gaji yang progresif Meningkatkan kemahiran dan produktiviti Mengurangkan bergantung buruh asing kurang mahir 	<p>Persekitaran kerja yang melindungi hak asasi manusia</p> <ul style="list-style-type: none"> Persekitaran kerja yang terjamin melalui perundangan Menggalakkan automasi & pendigitalan

2 Jaringan Perlindungan Sosial untuk Semua

PERLINDUNGAN	PENCEGAHAN	GALAKAN
<p>Bantuan Sosial</p> <ul style="list-style-type: none"> Memastikan jaringan keselamatan sosial ditingkatkan ke tahap munasabah 	<p>Insurans Sosial</p> <ul style="list-style-type: none"> Menambah baik Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) dan Skim Keilangan sedia ada Memperluas liputan perlindungan KWSP dan PERKESO 	<p>Intervensi Pasaran Buruh</p> <ul style="list-style-type: none"> Meningkatkan kapasiti penjanaan pendapatan tenaga kerja

3 Kesaksamaan Peluang

<p>JANTINA</p> <ul style="list-style-type: none"> Menggalakkan para ibu untuk kembali bekerja (cth. penyediaan perkhidmatan penjagaan anak) Meningkatkan Kadar Penyertaan Tenaga Buruh Wanita (FLFPR) 	<p>MASYARAKAT</p> <ul style="list-style-type: none"> Kesaksamaan peluang dalam pendidikan Menangani isu pengangguran Dari pekerja bergaji kepada keusahawanan perniagaan Pengambilan pekerja & amalan tempat kerja yang beretika
<p>WILAYAH</p> <ul style="list-style-type: none"> Dasar perindustrian mengikut wilayah Infrastruktur bertaraf dunia di kawasan desa dan bandar 	

- Menaikkan Lantai Rumah bertujuan memperjuangkan keadilan sosial bagi memastikan kesaksamaan peluang, demi kualiti hidup yang bermakna dan perlindungan sosial untuk semua.
- Perkara ini boleh dicapai melalui pelaksanaan dasar dan insentif bagi mewujudkan pekerjaan dengan gaji bermakna dan persekitaran kerja yang kondusif.
- Menambah baik perlindungan sosial melalui liputan KWSP dan PERKESO kepada sektor tidak formal dan memastikan tahap simpanan persaraan mencukupi. Pendekatan ini memerlukan peralihan daripada perlindungan pekerjaan kepada perlindungan pekerja melalui Sistem Insurans Pekerjaan (SIP), dilengkapi dasar pasaran buruh yang aktif.
- Pendekatan kesaksamaan peluang adalah untuk menggalakkan penyertaan wanita ke alam pekerjaan serta merapatkan jurang dalam kalangan komuniti dan wilayah.

8

TATAKELOLA DAN KETANGKASAN PENYAMPAIAN

Tatakelola dan Ketangkasan Penyampaian bagi Membina Keyakinan

1 Perkukuh Reformasi Parlimen

Memberikan autonomi dalam belanjawan dan perjawatan

2 Melaksanakan Reformasi Perundangan

Menambah baik tatakelola dan integriti, termasuk antara lain penguatkuasaan undang-undang

3 Revolusi Digital dalam Kerajaan

Meningkatkan kecekapan dalam membuat keputusan Kerajaan dan penyampaian perkhidmatan awam, melalui GovTech Malaysia

4 Memperkasa Peranan Media

Meningkatkan tahap akauntabiliti dan ketelusan dalam Kerajaan

5 Membanteras Rasuah

Memperkukuh penguatkuasaan dan pelaksanaan amalan terbaik antarabangsa

6 Pembaharuan Bagi Kemampuan Fiskal

Membina semula kapasiti fiskal dengan memberi tumpuan kepada hasil Kerajaan, subsidi & perlindungan sosial, entiti milik Kerajaan dan hutang negara

7 Memperkukuh Ketahanan Sosial Masyarakat

Melaksanakan pembaharuan dalam perkhidmatan bagi meningkatkan kesihatan, mobiliti sosial dan ketenteraman makanan

8 Ketangkasan Penyampaian

Ketangkasan penyampaian perkhidmatan bagi meningkatkan tahap keupayaan rakyat dan pihak berkepentingan

- Tatakelola baik dan ketangkasan pelaksanaan merupakan asas bagi membina semula keyakinan supaya menghasilkan usaha pembaharuan yang berterusan dengan semua pihak berkepentingan.
- Reformasi institusi Parlimen, Media dan Perkhidmatan Awam akan mengukuhkan asas kepada tatakelola yang baik.
- Kerajaan juga mengukuhkan kemampuan fiskal negara melalui pelbagai usaha pembaharuan dalam pengurusan hasil dan perbelanjaan.
- Ketangkasan perkhidmatan awam penting dalam menyokong transformasi ekonomi dan menangani cabaran ekonomi masa hadapan.

4 Perkhidmatan Kesihatan Sejangat Sepanjang Hayat

Kertas Putih Kesihatan	Empat Tonggak Dalam Kertas Putih Kesihatan				
<p>TUJUAN: Mereformasi sistem kesihatan negara ASPIRASI: Bagi meningkatkan tahap kesihatan dan kesejahteraan rakyat</p>	<table border="1"> <tr> <td> <p>Peralihan kepada penjagaan berasaskan komuniti</p> </td> <td> <p>Peralihan daripada rawatan kepada pencegahan penyakit</p> </td> <td> <p>Pembiayaan kesihatan yang mampan dan saksama</p> </td> <td> <p>Memperkukuh landasan dan tadbir urus sistem kesihatan</p> </td> </tr> </table>	<p>Peralihan kepada penjagaan berasaskan komuniti</p>	<p>Peralihan daripada rawatan kepada pencegahan penyakit</p>	<p>Pembiayaan kesihatan yang mampan dan saksama</p>	<p>Memperkukuh landasan dan tadbir urus sistem kesihatan</p>
<p>Peralihan kepada penjagaan berasaskan komuniti</p>	<p>Peralihan daripada rawatan kepada pencegahan penyakit</p>	<p>Pembiayaan kesihatan yang mampan dan saksama</p>	<p>Memperkukuh landasan dan tadbir urus sistem kesihatan</p>		

5 Pembaharuan Pendidikan dan Sumber Manusia

Memperkukuh pendidikan asas	Mengamalkan paradigma pembelajaran sepanjang hayat yang lebih progresif
<p>Akses kepada pendidikan berkualiti untuk semua</p>	<p>Menyediakan laluan pembelajaran sepanjang hayat untuk semua rakyat Malaysia</p>
<p>Memastikan tiada yang tercicir</p>	<p>Pengenalan Program Latihan TVET <i>Global Institute for Future Talent (GIFT)</i> untuk belia</p>
<p>Penglibatan seluruh komuniti</p>	

6 Infrastruktur Asas untuk Semua

<p>Jalan perhubungan desa + Pengangkutan awam bandar</p>	<p>Akses sejangat kepada air terawat + bekalan elektrik</p>	<p>Internet: Kualiti + Perkhidmatan mampu milik</p>
--	---	---

7 Perumahan Mampu Milik untuk Semua Rakyat

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) sedang merangka Pelan Tindakan Perumahan Negara bagi memastikan kesediaan perumahan mampu milik bagi semua rakyat Malaysia

<p>Memastikan bekalan berbandukan metrik ukuran yang lebih jitu</p>	<p>Meneruskan penyediaan perumahan awam dan menggalakkan pasaran sewa</p>	<p>Membangunkan model baharu pemilikan rumah</p>
---	---	--

- Pendekatan terhadap perkhidmatan awam mestilah menyeluruh dalam memenuhi keperluan rakyat Malaysia, khususnya akses kepada penjagaan kesihatan yang berkualiti, pendidikan, serta memastikan ketersediaan infrastruktur asas dan rumah mampu milik.
- Menyediakan perkhidmatan kesihatan dan pendidikan yang berkualiti akan menjadi keutamaan Kerajaan. Peruntukan yang lebih besar akan diberi keutamaan tertakluk kepada ruang fiskal. Kerajaan komited mencapai sasaran 5% kepada KDNK bagi perbelanjaan kesihatan dengan mengoptimalkan kedua-dua perkhidmatan kesihatan awam dan swasta.
- Aspirasi Kerajaan adalah untuk menyediakan infrastruktur bertaraf dunia untuk rakyat di kawasan bandar dan desa, serta fokus kepada kesalinghubungan pengangkutan, air, elektrik dan internet.

KOMITMEN KERAJAAN

Kerajaan komited untuk merealisasikan visi Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat

Pencapaian setakat ini...

- Pertumbuhan KDNK suku pertama 2023 yang positif sebanyak 5.6%
- Kejayaan memperoleh komitmen pelaburan daripada Samsung Engineering, Sumitomo Corporation, Tesla & Rongsheng sebanyak lebih RM150 bilion
- Peralihan model 5G daripada Rangkaian Borong Tunggal kepada Model Dwirangkaian
- Liberalisasi AP import makanan ke arah memastikan ketenteraman bekalan makanan
- Kerjasama industri awam-swasta dalam latihan TVET
- Konsep Payung Rahmah untuk memastikan barangan asas dan makanan dengan berpatutan untuk isi rumah berpendapatan rendah
- Membasmi kemiskinan tegar melalui Inisiatif Pendapatan Rakyat / Inisiatif Sumbangan Asas Rahmah
- Pendigitalan cukai jalan kenderaan dan lesen memandu
- Melaksanakan Program Rekalibrasi Tenaga Kerja 2.0
- Melaksanakan Pas Pelabur Strategik untuk memudahkan kemasukan berulang

Apa yang bakal diusahakan...

- Penyelarasan Agensi Penggalak Pelaburan untuk merealisasikan pelaburan yang telah dituluskan
- Memperbaharui insentif pelaburan untuk menyasarkan pelaburan yang berkualiti terutamanya melibatkan penghasilan pekerjaan mahir dengan pendapatan tinggi di samping memberi manfaat kepada PKS tempatan
- Menambah baik infrastruktur di kawasan perindustrian dengan peruntukan RM100 juta
- Penglibatan sektor swasta yang lebih aktif dalam penggubalan kurikulum bagi institusi TVET awam, khususnya MARA, IKBN dan kolej vokasional
- Merangsang ekosistem modal teroka dengan dana tambahan RMI bilion oleh Kerajaan & GLIC secara padanan dengan dana sektor swasta bagi menyokong syarikat permula tempatan
- Meningkatkan produktiviti PMKS melalui Geran Digitalisasi PKS BSN & Geran Automasi Pintar untuk PMKS sebanyak RM200 juta
- Meningkatkan dana pembiayaan mikro sebanyak RM400 juta melalui TEKUN, MARA dan TERAJU
- Memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai peneraju kewangan Islam global dan pembangunan produk termasuk dalam bidang wakaf dan pembiayaan gabungan
- Mengalakkan pelaburan hijau melalui pembaharuan insentif cukai dan bukan cukai dalam bidang baharu seperti Penangkapan, Penggunaan dan Penyimpanan Karbon (CCUS)
- Meluaskan penggunaan kenderaan elektrik dengan meningkatkan pemasangan stesen pengcas di lebuh raya utama melalui kerjasama awam-swasta dan GLC
- Komitmen untuk meningkatkan kadar upah secara beransur-ansur termasuk kajian semula kadar upah minimum yang seiring dengan pembangunan ekonomi dan produktiviti
- Dasar perindustrian mengikut wilayah sejajar dengan kelebihan serta tahap pembangunan setiap wilayah
- Memperluas jaringan perlindungan sosial (KWSP & PERKESO) khususnya untuk pekerja kontrak dan sektor tidak formal
- Perluasan Skim Perubatan MADANI di semua negeri di Malaysia yang mempunyai kepadatan tinggi
- Memperkukuh komitmen terhadap amalan terbaik dalam tatakola melalui Akta Perolehan Kerajaan & Akta Tanggungjawab Fiskal
- Menambah baik kriteria kelayakan *Malaysia My Second Home* (MM2H) dan memudah cara *Visa on Arrival* (VOA) untuk pelancong
- Menambah baik skim SJKP melalui jaminan sehingga 120% daripada nilai rumah sehingga RM300,000



EKONOMI MADANI: MEMPERKASA RAKYAT

YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim
Perdana Menteri Malaysia

27 Julai 2023